

24 JUL 1997

Mahathir-Kemboja

DR MAHATHIR KATA MASALAH DI KEMBOJA BOLEH DIATASI

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyambut baik keputusan Perdana Menteri Kedua Kemboja, Hun Sen, supaya Asean memainkan peranan dalam usaha mengatasi masalah Kemboja.

Bentuk peranan itu mengikut apa yang akan dipersetujui oleh Asean dan Kemboja, kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Menteri Asean (AMM) ke-30 di Sunway Lagoon Resort Hotel, dekat sini, hari ini.

"Jika Kemboja menerima Asean untuk melakukan perkara tertentu, kita akan menimbangkannya," kata Dr Mahathir yang diapit oleh Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Luar Indonesia Ali Alatas.

Alatas akan terus mengetuai misi tiga anggota Asean berhubung isu itu.

Hun Sen, yang sebelum ini menolak usaha diplomatik Asean untuk membantu menyelesaikan krisis itu, telah bersetuju dengan peranan Asean dalam mengatasi masalah itu. Asean, bagaimanapun, mengekalkan pendiriannya menanggungkan kemasukan Kemboja manakala Laos dan Myanmar menyertai perkumpulan serantau itu semalam, menjadikan jumlah anggotanya kepada sembilan negara.

Ketika ditanya mengenai peranan yang boleh dimainkan Asean dalam menyelesaikan krisis itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak mahu meramal "kerana ia akan mengikat saya kepada sesuatu tindakan yang saya tidak diberikan mandat untuk melaksanakannya."

Beliau percaya masalah di Kemboja akan dapat diatasi.

"Kita telah menghadapi masalah sebelum ini dan kita berjaya mengatasinya. Ia bergantung kepada masa, kesabaran dan keikhlasan," kata beliau.

Ketika diminta mengulas kenyataan Hun Sen bahawa keputusan Asean untuk tidak menerima Kemboja adalah satu "kesilapan besar", Dr Mahathir berkata Hun Sen berhak menyuarakan pandangannya.

Beliau berkata Asean tidak bergantung kepada kenyataan umum tetapi kepada cara "duduk bersidang dan membincangkan sesuatu perkara."

Mengenai perhimpunan kebangsaan Kemboja yang dijangka berlangsung Isnin ini, Dr Mahathir berharap semua yang layak menyertainya akan dapat berbuat demikian tanpa menghadapi sebarang tekanan.

"Kami sedang memerhati kewibawaan proses yang berlangsung di Kemboja. Setelah kami berpuas hati dan jika mereka terus mahu menyertai Asean, sudah tentu kami akan memberi pertimbangan yang serius," kata beliau.

Semasa ditanya sama ada ia mungkin berlaku tahun ini, beliau menjawab: "Mungkin juga."

Ketika diminta mengulas lanjut mengenai keadaan yang memuaskan bagi Asean dalam memutuskan kemasukan Kemboja, beliau berkata: "Seperti yang kita tahu, penubuhan kerajaan masa kini, atau kerajaan sebelum ini, dengan dua perdana menteri merupakan hasil tindakan antarabangsa untuk mencuba menyelesaikan masalah di Kemboja.

"Pilihan raya telah diadakan...keputusan pilihan raya itu sangat jelas dan dalam usaha untuk memberi peluang kepada semua pihak di Kemboja, keputusan dibuat supaya ditubuhkan sebuah kerajaan dengan dua perdana menteri.

"Dan jika ini akan ditamatkan, ia hasur ditamatkan mengikut cara yang sewajarnya, seperti menerusi satu pilihan raya," kata beliau.

Ketika ditanya reaksi Asean jika perhimpunan kebangsaan melantik

Menteri Luar, Ung Huot, sebagai Perdana Menteri Pertama untuk menggantikan Putera Norodom Ranariddh, beliau berkata: "Kami harus melihat sama ada semua anggota perhimpunan itu dapat menyertainya."

Ditanya bagaimana Asean dapat memastikan proses itu dijalankan mengikut peraturan, beliau berkata Asean tidak boleh memberi jaminan terhadap sebarang perkara.

"Apa yang kami katakan ialah mereka harus mematuhi proses itu... mereka mempunyai Perlembagaan, undang-undang dan negara... jika sesuatu tindakan itu melampaui undang-undang dan menggunakan kekerasan, maka sukar bagi kami untuk menerima kewajaran tindakan itu," kata beliau.

Perdana Menteri berkata Asean cuba berkecuali dalam isu itu dan pada masa yang sama berpendapat bahawa ada keperluan untuk mengelakkan penggunaan kekerasan dalam menyelesaikan isu berkenaan.

Menteri Luar Filipina, Domingo Siazon, berkata Asean tidak akan menghantar pasukan pemerhati ke Perhimpunan Kebangsaan Kemboja.

"Kita tidak mempunyai kuasa luar untuk memerhati bagaimana mereka berkelakuan...tidak, kami tidak menghantar pasukan kami," katanya ketika ditanya pemberita mengenainya selepas majlis perasmian AMM.

Beliau berkata perhimpunan kebangsaan itu akan menjadi satu permulaan yang baik bagi kerajaan Kemboja untuk disusun semula selepas berlakunya masalah politik berikutan pertempuran antara pasukan tentera yang setia kepada Putera Ranariddh dan Hun Sen.

"Perhimpunan kebangsaan itu akan memberikan mereka masa, kerana mereka tidak bertemu sejak April dan ini merupakan pertemuan yang pertama selepas pertempuran (6 Julai) lepas," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata bahawa Asean tidak akan diketepikan berhubung perkara terkini yang berlaku di Kemboja kerana duta-duta negara pertubuhan itu akan memberi laporan mengenai Kemboja kepada kerajaan masing-masing.

Mengenai kemungkinan menghantar pemerhati ke pilihan raya perhimpunan kebangsaan itu, Siazon berkata adalah terlalu awal untuk menentukannya.

"Kami akan menunggu dan melihat perkembangan di Kemboja terutama di kalangan pihak yang berkenaan...mereka dalam proses perundingan," katanya merujuk kepada parti Funcipec pimpinan Putera Ranariddh dan puak Hun Sen.

-- BERNAMA
TEAM NAK